SAMPEL PERCUMA

Nota Pengawalan Perosak Tanaman Pertanian Tingkatan 5

Set penuh: Nota SPM Elektif

Pertanian

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Folder Google Drive · Pertanian Tingkatan 4
- Nota Pertanian Tingkatan 5

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/nota-spm-sastera-perdagangan · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Isi kandungan

BAB 1.0 SAINS TUMBUHAN

1.1 Fisiologi Tumbuhan

1.2 Proses Fisiologi Tumbuhan

BAB 2.0 PENGELUARAN TANAMAN

a. Projek Tanaman

b. Pengawalan Perosak Tanaman

c. Penuaian Dan Penyimpanan Hasil Tanaman

d. Pemasaran Hasil Tanaman

e. Pengurusan Kewangan

Catatan:

1. Nota kendiri ini perlu digunakan bersama dengan Buku Teks MPEI Pertanian Tingkatan 5
2. Sebahagian besar ruangan kosong yang perlu disi adalah kata kunci bagi setiap fakta.
3. Nota ini direkabentuk untuk cetakan secara 2 mukasurat bagi setiap halaman kertas A4 (4 mukasurat bagi setiap helai kertas A4 untuk penjimatan dan penjagaan alam sekitar).
4. Segala kekurangan dan kesilapan penyusun, mohon dimaafkan.

4.2.4 Mengkaji kesan pengawalan perosak tanaman menggunakan kaedah seperti kultura, fizikal, biologi, kimia dan organik.

Kaedah Kawalan Perosak Tanaman

Makanannya	Musnah	Kitaran Hidup	Keadaan
Cahaya	Bergilir-Gilir	Sama	Perumahan
Spesifik	Sukar	Pemugar	Mengganggu
Pemugaran	Penggiliran	Menyekat	-

1. Kawalan Kultur
   - Kawalan kultur adalah kawalan perosak yang akan mengganggu perkembangan atau kitaran hidup perosak.
   - Gangguan ini termasuklah menyekat perosak daripada sumber makanannya dan mendedahkan perosak kepada keadaan yang tidak sesuai



1. Pemugaran Tanah
   - Perosak akan musnah apabila terkena alat pemugar atau terdedah kepada cahaya matahari
   - Memusnahkan sarang-sarang atau perumahan perosak.
2. Penggiliran Tanaman
   - Penggiliran tanaman bermaksud menanam tanaman secara bergilir-gilir dalam satu kawasan yang sama selepas sesuatu musim penanaman. Sesuai untuk perosak yang menyerang tanaman perumah spesifik. Perosak akan mati kerana sukar mendapat makanan

Penghapusan	Punca	Kebersihan	Penyebaran

6. Menjaga Kebersihan Ladang
   - Kebersihan ladang dilakukan dengan penghapusan dan pemusnahan tumbuh-tumbuhan berpenyakit, rumpai dan juga bahagian tumbuhan yang mungkin menjadi punca kepada penyakit dan perosak.
   - Cara ini dapat menghalang penyebaran penyakit dan jangkitan kepada tanaman

Keadaan Fizikal	Mudah	Kesan sampingan	Alatan
mendekati	Tinggi	Modal	Sementara
Tingkah laku	cahaya	Mekanikal	persekitaran
pewasap	membungkus	Halangan fizikal	merangsang

2. Kawalan Fizikal
   - Kawalan fizikal adalah dengan menggunakan alatan atau keadaan fizikal untuk mengawal perosak.
   - Penggunaan halangan fizikal untuk mencegah perosak menghampiri tanaman iaitu :
     1. Sekatan Mekanikal : menghalang perosak mendekati tanaman / hasil tanaman (penggunaan jaring kalis serangga, membungkus buah dan memasang jaring)
     2. Perubahan persekitaran perosak : mengubah suhu, kelembapan dan kandungan oksigen di persekitaran perosak (pewasap, tingkatkan suhu dan menyimpan biji benih di bekas kedap udara)
     3. Sekatan tingkah laku : merangsang tingkah laku perosak menggunakan bunyi, cahaya dan bau (contoh perangkap cahaya)



Warna	Menarik	Pembungkus	Surat Khabar
Perangkap Cahaya	Lalat Buah	Pelekat Berwarna	Cahaya

Kawalan Fizikal :

1. Kawalan Fizikal- Penggunaan CAHAYA
   - Contoh kawalan fizikal ialah dengan menggunakan perangkap cahaya untuk memerangkap serangga perosak.
   - Lampu dengan cahaya yang terang diletakkan di kawasan tanaman dan pada malam hari cahaya terang lampu akan menarik mangsa kepada perangkap
2. Kawalan Fizikal - Penggunaan WARNA
   - Plastik pelekat berwarna kuning digunakan untuk menarik perhatian perosak yang diletakkan di bawah teduhan untuk memerangkap serangga seperti afid, benah dan berimbing (thrips).
3. Kawalan Fizikal - Penggunaan PEMBUNGKUS
   - Membalut hasil tanaman terutamanya tanaman jenis buah dengan plastik atau surat khabar dapat mengelakkan serangan perosak seperti lalat buah

- Kebaikan : tidak memberi kesan sampingan dan mudah dilaksanakan.
- Kelemahan : memerlukan modal permulaan yang tinggi dan keberkesanannya hanya sementara.

Bahan Aktif	Cili	Mencairkan	Bawang Putih
Sabun	Kutu Daun	Mengunyah	Sendiri

- Kawalan Organik
  - Racun perosak organik boleh disediakan sendiri menggunakan cili padi, bawang putih dan detergan.
  - Cili padi digunakan bersama bawang putih kerana dapat membantu meningkatkan keberkesanan bahan aktif yang terdapat di dalam bawang putih.
  - Sabun berfungsi mencairkan lapisan lilin pada badan serangga yang terdedah kepada cecair racun seperti koya dan teritip.
  - Campuran cili adalah sesuai bagi menghalang serangga jenis mengunyah.
  - Ekstrak bawang putih sangat sesuai untuk kawalan vektor seperti kutu daun, teritip dan benah putih.

Ke Dalam Negara	Berkesan	Penghapusan	Undang-Undang

5. Kawalan Undang-Undang

Kawalan Undang-Undang : Kaedah kawalan undang-undang berkesan untuk mengawal perosak atau penyakit tanaman yang dibawa ke dalam negara

- 4 Kaedah Kawalan Undang-Undang
  1. Kuarantin
  2. Penguatkuasaan Undang-Undang
  3. Pensijilan
  4. Penghapusan

Kawalan Undang-Undang

Pemeriksaan	Bebas	Berkesan	Pintu Masuk
Diperiksa	Dibenarkan	Negara Luar	Sijil Perakuan
Lengai hitam	Dimusnahkan	kulat	Menanam

1. Kuarantin
   - Tanaman yang dibawa masuk dari negara luar akan diperiksa dan diuji terlebih dahulu dalam jangka masa tertentu untuk disahkan bersih sebelum dibenarkan masuk.
   - Menguatkuasakan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 dengan pemeriksaan, kuarantin dan penguatkuasaan di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin
2. Penguatkuasaan Undang-Undang
   - Penguatkuasaan dan pemeriksaan dokumen dan konsainan secara visual yang konsisten.
   - Konsainan boleh dilepaskan untuk pemeriksaan selepas 30 hari dari tarikh eksport dari negara asal.
   - Mengambil sampel untuk tujuan penyaringan perosak dan Kuarantin Selepas Masuk (KSM).
   - Kaedah kawalan undang-undang berkesan untuk mengawal perosak atau penyakit tanaman yang dibawa ke dalam negara
3. Pensijilan
   - Biji benih atau bahan tanaman yang ingin dibawa masuk perlu ada sijil perakuan yang mengesahkannya bebas daripada sebarang penyakit sebelum dibenarkan dibawa masuk.
   - Antara sijil perakuan yang dikeluarkan adalah Sijil Perakuan Pematuhan Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan [3P] – Import dan eksport

4. Penghapusan
   - Serangan penyakit lenggai hitam pada buah koko yang disebabkan oleh kulat Phytophthora palmivora.
   - Semua buah koko yang diserang akan dimusnahkan dengan cara menanam buah koko ke dalam tanah.

Alam Sekitar	Dimusnahkan	Bersepadu	Menanam
Mengancam	Terakhir	Kitaran Hidup	Racun

6. Pengurusan Perosak Bersepadu (PPB)
   - Pengurusan Perosak Bersepadu (PPB) merupakan satu kaedah kawalan bersepadu (kaedah biologi, fizikal dan kultur) dan penggunaan racun makhluk perosak secara minimum bagi menyelamatkan alam sekitar dan keseimbangan ekologi serta memberi pendapatan tambahan kepada petani
   - Mengambil kira faktor ekonomik, ekologi dan sosiologi.
   - Konsep Aras Ambang Ekonomik iaitu kawalan hanya dilaksanakan apabila populasi perosak mengancam dan mengurangkan hasil. Ia merendahkan populasi perosak, bukan menghapuskannya.
   - Mengambil kira kitaran hidup perosak yang menyerang tanaman dari masa menanam hingga kutipan hasil.
   - Keutamaan kepada kawalan biologi, fizikal dan kultur. Racun adalah pilihan terakhir (penggunaan racun secara bijaksana)

Penyediaan Bahan Pengawalan Perosak Organik

Botol Kaca	Kisar	Timbang	Tutup Rapat
Masukkan	Letakkan	1:200	Semalaman
Masukkan	Tapis	Pengisar	Halus

Racun organik ialah racun makhluk perosak tanaman yang dihasilkan daripada sumber yang organik (berasaskan tanaman dan herba) dan tidak mengandungi bahan kimia berbahaya.

Alatan dan Bahan :
Penapis, penimbang, botol penyembur 1.5 liter, mesin pengisar, sarung tangan dan botol kaca. 1 liter air, 100 gm cili padi dan 200 gm bawang putih.
Langkah Perlu Dipatuhi Bagi Memastikan Kejayaan :

Ikut sukatan dan basuh tangan dengan bersih selepas melakukan aktiviti.

Langkah Amali :

1. Sediakan bahan dan peralatan. Gunakan sarung tangan sebelum melakukan aktiviti seterusnya
2. Sukat cili padi dan bawang putih mengikut sukatan yang diperlukan.
3. Masukkan ke semua bahan ke dalam mesin pengisar
4. Tuangkan separuh daripada sukatan air ke dalam mesin pengisar
5. Kisar bahan sehingga halus.
6. Tuangkan baki air ke dalam pengisar dan kisar semula. Kemudian tuangkan bahan yang telah dikisar ke dalam botol kaca dan tutup rapat.
7. Letakkan botol kaca berisi bahan campuran di tempat yang ada cahaya matahari atau dalam keadaan suhu bilik. Biarkan semalaman.
8. Tapis campuran untuk mengasingkan dari bahan kasar.
9. Cairkan bahan dengan nisbah 1:200.
10. Masukkan cecair ke dalam botol semburan.
11. Semburkan bahan pada tanaman. Pastikan arah tiupan angin sebelum melakukan semburan untuk tujuan keselamatan. Lakukan semburan selang 4 hari atau 5 hari untuk mendapat kesan yang baik.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Nota SPM Elektif

Pertanian

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Folder Google Drive · Pertanian Tingkatan 4
- Nota Pertanian Tingkatan 5

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/nota-spm-sastera-perdagangan · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar